

UTUSAN MALAYSIA – 17 MEI 2010

Teras Rohani Generasi Millenia

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM

BELIA amat penting kepada negara. Mereka adalah tulang belakang dan tonggak kekuatan masa hadapan serta pelapis kepimpinan negara.

Setiap negara pasti mengharapkan belianya menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan dan keamanan. Semuanya nampak seperti mudah sedangkan realitinya adalah sebaliknya melainkan sekiranya kumpulan sasar itu mempunyai sahsiah dan jati diri unggul serba cemerlang.

Ironinya, adakah mereka sedar dan menginsafi tanggungjawab berat yang terpaksa dipikul oleh setiap belia bagi memastikan kesinambungan kejayaan negara terus mantap, berdaya saing dan cemerlang.

Hakikatnya golongan belia yang ditakrifkan berusia antara 15 dan 40 tahun serta mewakili hampir 50 peratus populasi penduduk negara ini sering dikaitkan sebagai juara kepada gejala sosial, walaupun masih terdapat segelintir yang tidak berwatak seperti itu.

Apakah puncanya, tidak sedikit pemikir dan cendekiawan cuba merungkaikan sebab-musababnya. Pelbagai resolusi 'diwartakan' sama ada dalam bentuk tulisan dan iklan media massa, buku serta majalah ilmiah, tetapi amat malang hasilnya masih berada pada takuk lama.

Antara yang paling popular dipersalahkan ialah faktor kemajuan dan pembangunan yang dikatakan sebagai punca kepada keruntuhan akhlak belia, sekali gus menjurus kepada kepincangan institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Peranan dua elemen itu iaitu kemajuan dan pembangunan tidak dapat dinafikan kepentingannya. Kemajuan telah menjadikan taraf hidup semakin meningkat, keperluan keluarga semakin bertambah dan individu semakin bersaing untuk menjadi hebat.

Natijahnya, wujud kumpulan rakyat terutama belia yang mampu meneruskan kehidupan, namun terdapat juga yang rebah kerana gagal menempuh gelora arus yang sesekali mungkin bersifat zalim tanpa perikemanusiaan.

Bagaimanapun, Islam begitu juga agama lain tidak pernah sesekali memberi pandangan negatif terhadap kemajuan dan pembangunan. Malah Islam amat menggalakkan umatnya berusaha untuk mempertingkatkan diri dan umat asalkan tidak tercibir daripada landasan syariat.

Justeru, amat penting bagi golongan belia diasuh, dididik dan dibimbing ke jalan yang benar dan diredhai Allah sehingga mampu menjadi generasi yang boleh diharapkan dan dibanggakan iaitu belia yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia.

Apabila belia itu memiliki ciri-ciri holistik, tiada apa yang perlu digusarkan lagi oleh kerajaan, keluarga dan masyarakat serta penguatkuasa undang-undang, mungkin ia akan dianggap sebagai retorik dan terlalu idealistik tetapi ia tidak mustahil untuk dicapai sekiranya semua pihak bersama-sama berganding bahu.

Nabi Muhammad SAW telah berpesan kepada semua golongan belia agar dapat memanfaatkan umur dan masa muda dengan sebaik-baiknya, mafhum daripada hadis Baginda:

"Rebutlah lima perkara sebelum kamu di datangi oleh lima perkara lain. Masa mudamu sebelum tua, masa sihatmu sebelum sakit, masa kayamu sebelum miskin, masa lapangmu sebelum sempit, dan masa hidupmu sebelum mati."

Islam telah menggariskan peranan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan sebagai seorang belia muslim yang bersifat teguh iman, taat perintah Allah dan Rasul, mengasihi dan menjejaki sunnah Rasul-Nya dalam setiap cara hidup, baik urusan dunia mahupun akhirat.

Selain itu, para belia juga adalah bertanggungjawab mentaati Raja dengan mematuhi titah perintahnya selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Paling penting juga, kepatuhan dan ketaatan belia kepada kedua-dua ibu dan bapa.

Pada masa sama, belia juga berperanan menegakkan syiar agama Islam dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ia boleh menjadi benteng untuk menangkis segala gejala buruk daripada merosakkan jiwa dan minda serta masa hadapan mereka.

Belia yang sentiasa melakukan amal ibadat dengan tekun dan ikhlas dijanjikan dengan kedudukan yang tinggi serta tergolong ke dalam tujuh golongan yang mendapat perlindungan di hari kiamat ketika berada di padang Mahysar kelak.

Nabi Muhammad bersabda, mafhumnya : "Terdapat tujuh golongan yang dilindungi oleh Allah pada hari kiamat kelak iaitu imam yang adil dan pemuda yang hidup sejak kecil hingga matinya sentiasa beribadat kepada Allah,".

Merenung peranan belia di zaman Rasulullah, tidak dapat dinafikan bahawa kumpulan itu menjadi tonggak dan tunjang utama perjuangan Baginda.

Dalam sejarah perkembangan Islam, golongan muda seperti Saidina Ali Abi Talib, Saidina Osman Affan Affan, Abdul Rahman Auf, Ibnu Zubair, Ibnu Abbas dan ramai lagi para sahabat telah menjadi pelopor kepada kebangkitan dan menjadi penggerak arus perdana perubahan masyarakat.

Mereka selaku sahabat Rasulullah sentiasa berjuang dan berjihad menegakkan ajaran Allah di muka bumi ini.

Sejarah juga pernah menyaksikan ketangkasan Usamah bin Ziad yang ketika itu berusia 18 tahun memimpin satu bala tentera untuk menyerang kerajaan Rom. Begitu juga dengan kehebatan Muhammad al-Fateh membuka Kota Istanbul (Konstantinopal) ketika usia beliau 21 tahun.

Oleh itu terdapat beberapa perkara yang boleh diambil perhatian semua pihak agar potensi golongan belia dapat dibangunkan secara menyeluruh dan sistematik.

IBelia harus dibangun dengan nilai-nilai Islam dan murni yang juga terdapat dalam ajaran agama lain kerana minda mereka mudah terdedah kepada pengaruh baru

IPengaruh Barat tidak semuanya selari tetapi tidak wajar pula ditolak sepenuhnya, proses pembaratan perlu diawasi.

IKeseimbangan dalam pembangunan belia, memantapkan dengan kemahiran duniawi tetapi pada masa sama tidak sesekali meninggalkan pergantungan kepada keperluan ukhrawi.

Terdapat banyak lagi usaha yang boleh dilakukan dalam pembangunan belia . Namun ia memerlukan komitmen semua pihak menjayakannya.,

Belia pada setiap masa perlu sentiasa berada di barisan hadapan. Mereka perlu menjadi pencetus, penggerak, pembina, peneroka untuk melahirkan generasi cemerlang dan tamadun negara terbilang yang akan menaikkan martabat agama dan kedaulatan negara di tahap tertinggi dan terbaik.

Tepuk dada tanya selera, mantap atau longlai negara ini terutama pada tahun 2020 bergantung sepenuhnya kepada belia.

Oleh itu, mahukah belia berteduh di sebuah negara yang luarannya nampak gah tetapi pengisian dalamnya kosong!.